

Prihatin


Berita SPANCO Jilid 1 2006



KELEBIHAN

Pengurusan Fleet PROFESIONAL

- e-Kerajaan dan SPANCO Fleet Online
- Sistem Stereng dan Gantungan
- Adakah anda seorang pemandu yang sihat?





TIMEX®
LIFE IS TICKING™

CITIZEN
Clocks



Jadikan Sifat Berbudi Bahasa Amalan Kita

dan menangi hadiah-hadiah menarik ini!

Nama:

No. K.P.:

Alamat:

Tel:

Hantar keratan peraduan ini sebelum 30 Jun 2006 ke:
Special Goods-Luxury Goods Department
DKSH Marketing Services Sdn Bhd
No.1 Jalan 205,46050 Petaling Jaya, Selangor.

Terbuka kepada semua pembaca *Prihatin*. Setiap penyertaan mesti disertai resit pembelian jam tangan Timex, jam tangan Swiss Mondaine atau jam dinding Citizen.

HADIAH PERTAMA

Jam tangan Swiss Mondaine bernilai RM1500 (A658.30300.11SBX)

HADIAH KEDUA

Jam dinding Citizen bernilai RM1000 (HM1411-A)

HADIAH KETIGA

Alat muzik elektronik Casio bernilai RM650 (CTK-700)

5 X HADIAH SAGUHATI

Jam tangan edisi khas Timex bernilai RM199 setiap satu

* Hadiah jam tangan Timex dan jam dinding Citizen mungkin berlainan daripada di atas. DKSH Marketing Services Sdn Bhd berhak menukar hadiah tersebut dengan produk lain yang sama nilai.

“Budi Bahasa Budaya Kita”

Berikan pendapat anda untuk meningkatkan amalan murni ini dalam 20 perkataan:



PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Rozita Dawan

Mohd Wazir Ahmad Kassim

Rusman Bassri

Sharon Ng

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

PENCETAK

Percetakan Lai Sdn. Bhd.

Sila alamatkan maklum balas,
komen dan sumbangan anda ke:

SIDANG REDAKSI

PRIHATIN-BERITA SPANCO

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

No. 2, Jalan Perusahaan 2

Kaw. Perusahaan Batu Caves

68100 Batu Caves, Selangor.

Tel : 03-6192 8909

Fax : 03-6192 8999

emel : prihatin@spanco.com.my

Kami bersedia menerima sebarang bentuk
sumbangan karya untuk dipaparkan dalam
majalah PRIHATIN-Berita SPANCO.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali
dengan nama, alamat dan nombor telefon
penulis. Sidang Redaksi berhak melakukan
penyuntingan sebelum karya diterbitkan.



10



12



14



17

PERUTUSAN

- 4 Memanfaatkan Budi
Bahasa di Jalan Raya

KORPORAT

- 6 Statistik Kemalangan Fleet
2005: Jumlah Kemalangan
Serius Meningkat
- 8 Berkenalan dengan
Peter Lim: Orang lama
di SPANCO
- 9 Standard Perkhidmatan:
Pelanggan dijamin servis
berkualiti
- 10 Kelebihan Pengurusan
Fleet Profesional
- 12 e-Kerajaan dan SPANCO
Fleet Online: Usaha
Berterusan Tingkatkan
Perkhidmatan

KESELAMATAN

- 14 Asas Pengurusan Risiko
Untuk Pemilik Fleet
- 16 Statistik Kemalangan
Kebangsaan: Jumlah
Kenderaan Bertambah,
Indeks Menurun
- 17 Ops Sikap X catat 226
kematian
- 18 Saman Polis Trafik:
5 soalan sering ditanya

PENJAGAAN KERETA

- 19 Sistem Stereng dan
Gantungan: Tip Penjagaan
dan Mengenal pasti
Masalah

KESIHATAN

- 22 Adakah anda seorang
pemandu yang sihat?

Memanfaatkan Budi Bahasa di Jalan Raya

BUDI Bahasa Budaya Kita, begitulah kempen yang kini giat dihidupkan semula oleh pihak Kerajaan. Sememangnya budi bahasa itu mencerminkan peradaban bangsa, maka wajar sekali kita menyambutnya dengan baik dan cuba melaksanakannya dalam segenap segi kehidupan kita.

Dalam menggunakan jalan raya misalnya, kebanyakan pemandu mengamalkan budaya yang bercanggah dengan nilai murni masyarakat kita. Sikap suka berlumba-lumba, tidak bertimbang rasa, dan mementingkan diri sendiri merupakan faktor penyumbang kepada kemalangan.

Terdapat juga pemandu yang mematuhi peraturan lalu lintas hanya apabila diawasi pihak berkuasa. Jika tidak ada polis, mereka bertindak sewenang-nya seperti melanggar lampu merah, tidak berhenti di persimpangan dan memotong di garisan berkembar

tanpa sedikit pun rasa bersalah. Sekiranya budi bahasa diamalkan, pasti perkara seperti itu tidak berlaku dan jalan raya akan menjadi lebih selamat untuk semua.

Di samping memanfaatkan budi bahasa di jalan raya, kesedaran keselamatan di kalangan pemandu juga perlu dipertingkatkan bagi membendung kemalangan. Penambahan jumlah kenderaan saban hari menyebabkan lalu lintas semakin sesak dan seterusnya meningkatkan tekanan atau *stress* selain kejadian yang tak diingini. Kita semua perlu bijak menanganinya.

Aspek penyenggaraan turut perlu diutamakan oleh pemandu. Merekalah yang sebenarnya berperanan memastikan kenderaan yang dibawa dalam keadaan sempurna, selamat dan tidak membahayakan pengguna lain. Pemandu dan bukannya pusat servis SPANCO, bertanggungjawab

memastikan antaranya minyak hitam sentiasa diperiksa, tekanan angin tayar mencukupi serta tahap penyenggaraan kenderaan secara keseluruhan berada dalam keadaan terbaik sepanjang masa.

Dalam pada itu, laporan terkini menunjukkan jumlah kemalangan serius dan teruk terus membelenggu fleet Kerajaan Persekutuan. Purata kos pembaikan kemalangan menunjukkan angka yang sentiasa bertambah, manakala jumlah saman tertunggak terus meningkat dari setahun ke setahun. Anda boleh membacanya dengan lebih terperinci di muka surat 6 dan 7 pada keluaran PRIHATIN kali ini.

Bagaimanapun kami mengakui bahawa kadar kemalangan jalan raya fleet SPANCO menurun seiring trend penurunan indeks kemalangan Kebangsaan. Matlamat seterusnya ialah mengurangkan kadar kemalangan fleet kepada tahap yang setara dengan kadar yang dicatatkan di peringkat Kebangsaan.

Sebagai kesimpulan, jumlah kemalangan dan saman, serta tahap ketersediaan kereta yang dibawa mencerminkan budi bahasa pemandunya. Amalan terpuji seperti pemanduan berhemah, bersopan santun di jalan raya dan penjagaan kereta yang baik perlu dibudayakan serta dijadikan warisan kita. Samalah kita berusaha untuk merealisasikan.



Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif



Buku Panduan SPANCO

Bantu Pelanggan dapatkan khidmat terbaik

BUKU Panduan Khidmat Bantuan dan Pusat-Pusat Servis SPANCO adalah sebuah risalah yang diterbitkan untuk membantu pelanggan mendapatkan perkhidmatan yang optimum daripada SPANCO.

Buku bersaiz saku ini amat berguna terutama dalam menghadapi kecemasan, kemalangan atau kecurian. Ia sebagai rujukan mudah mengenai bantuan servis, nombor telefon yang boleh dihubungi, kemudahan dan peralatan yang disediakan di Pusat Servis Wilayah (PSW) serta senarai terkini Pusat Servis Diiktiraf (PSD) seluruh Malaysia.

Buku panduan edisi 2006 kini mula diedarkan secara percuma. Pelanggan akan diberi senaskhah apabila menghantar kereta konsesi untuk diservis di PSW dan Pejabat Wilayah SPANCO berikut:



**PUSAT SERVIS
WILAYAH - BATU CAVES**
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kaw. Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan

**PUSAT SERVIS
WILAYAH - BANGI**
No. 33 Jalan P/21
Taman Industri Selaman
Seksyen 10
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan

**PEJABAT WILAYAH
SARAWAK**
1039, Seksyen 66
Jalan Kilang
Bintawa Industrial Estate
93450 Kuching
Sarawak

**PEJABAT WILAYAH
SABAH**
Miles 5.5
Jalan Tuaran Inanam
88806 Kota Kinabalu
Sabah

Pelanggan disarankan untuk menyimpan senaskhah di dalam kereta konsesi supaya boleh dirujuk oleh pemandu setiap kali memerlukan bantuan SPANCO.

Statistik Kemalangan FLEET 2005

Jumlah Kemalangan Serius Meningkat

BILANGAN kes kemalangan serius bagi fleet SPANCO yang membabitkan kerosakan teruk dan sukar untuk dibaiki didapati semakin meningkat. Ini berikutan perangkaan SIKOM mendedahkan purata hampir RM4 ribu dibelanjakan untuk setiap kes kemalangan yang berlaku tahun lepas.

Bagaimanapun, seiring dengan penurunan indeks kemalangan Kebangsaan, statistik yang dicatatkan oleh Fleet Kerajaan Persekutuan tersebut juga mengalami penurunan.

Jumlah kemalangan menurun daripada 2,311 kes bagi 2003, kepada 1,833 bagi 2004 dan 1,696 bagi 2005. Penurunan berlaku walaupun jumlah fleet terus bertambah daripada 4,750 buah kepada 4,951 pada 2004 dan 5,089 pada akhir 2005.

Penurunan kadar kemalangan itu adalah serupa dengan corak yang dipamerkan di seluruh negara. Namun dengan kadar kemalangan fleet pada 33.33 peratus, ia masih jauh lebih tinggi berbanding peringkat Kebangsaan iaitu pada 2.22 peratus. (Untuk mengetahui indeks kemalangan Kebangsaan, sila ke muka surat 16).

Selain itu, jumlah kos pembaikan kemalangan turut menyaksikan penurunan. Sebanyak RM6,281,208 dibelanjakan untuk kos pembaikan kemalangan pada

2005 berbanding RM6,555,345 pada 2004 dan RM7 juta bagi 2003.

Tetapi purata kos untuk membaiki setiap kemalangan meningkat kepada RM3,704 bagi 2005 daripada RM3,576 bagi tahun sebelumnya. Sementara bagi 2003 pula, kos tersebut adalah yang terendah iaitu pada RM3,068 untuk setiap kes.

Bermakna walaupun bilangan menurun, purata kos pembaikan kemalangan terus menyaksikan peningkatan sejak 2003. Purata kos yang lebih tinggi menunjukkan lebih banyak kes kemalangan serius berlaku di kalangan fleet, yang memerlukan jumlah perbelanjaan besar untuk membaik pulihkannya.

Tuntutan Insurans

Sementara itu, bagi pembaikan melalui tuntutan insurans, jenis kemalangan yang paling kerap dilakukan pelanggan SPANCO ialah kerosakan yang disebabkan oleh kesilapan sendiri. Kemalangan 'own damaged' itu mewakili 1,018 kes yang membabitkan sejumlah RM1,912,500 tuntutan insurans atau purata RM1,879 setiap kes. Ini diikuti kerosakan harta pihak ketiga sebanyak 194 kes dengan RM799,400 jumlah tuntutan dan kerosakan semasa meletak kereta sebanyak 161 kes dengan RM328,000.

TUJUH JENIS KEMALANGAN DENGAN JUMLAH TUNTUTAN TERTINGGI

BIL.	JENIS KEMALANGAN	JUMLAH TUNTUTAN	JUMLAH KES
1.	Kerosakan sendiri	RM1.9 juta	1,018
2.	Kerosakan harta benda pihak ketiga	RM799 ribu	194
3.	Dilanggar	RM438 ribu	120
4.	'Knock for knock'	RM418 ribu	130
5.	Kerosakan ketika meletak kereta	RM328 ribu	161
6.	Kecurian	RM151 ribu	4
7.	Kerugian menyeluruh	RM110 ribu	18

(sumber: Sistem Pengurusan Fleet Berkomputer SIKOM)

Saman


Bagi notis kesalahan trafik pula, purata hampir 3 kesalahan dilakukan oleh setiap kenderaan fleet sepanjang 2005. Sebanyak 14,119 saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) diterima berbanding 19,647 pada 2004 dan 13,839 pada 2003.

Manakala 34,093 saman PDRM masih belum dijelaskan sehingga penghujung 2005 berbanding hanya 22,655 pada penghujung 2004. Dalam erti kata lain, lebih banyak kesalahan baru yang dilakukan berbanding saman yang dijelaskan oleh pelanggan pada tahun lepas.


Dalam perkembangan yang berkaitan, PDRM melancarkan Ops Warta V pada 20 Februari lalu dan dijangka berakhir pada 20 April nanti. Lebih 20 ribu waran tangkap telah dikeluarkan dan pesalah trafik yang tidak mahu ditahan perlu menyelesaikan saman mereka dengan segera.

Susulan itu, pihak pengurusan SPANCO memohon kerjasama daripada semua pelanggan di semua peringkat jabatan dan Kementerian untuk menjelaskan saman-saman yang tertunggak.

PERBANDINGAN KADAR KEMALANGAN KEBANGSAAN DAN FLEET KERAJAAN (1998 – 2005)



JUMLAH KOS PEMBAIKAN KEMALANGAN BERBANDING KES (1998 – 2005)



BERKENALAN dengan Peter Lim

Orang lama di SPANCO

PENGALAMAN LUAS...
Encik Lim adalah wakil
pengurusan SPANCO
Services semasa
mendapatkan sijil
pengiktirafan
ISO9001:2000
antarabangsa itu.



ENCIK Peter Lim, Pengurus Besar, Operasi Servis menyertai SPANCO sejak ia mula beroperasi pada tahun 1993. Pengalaman beliau yang luas menjawat pelbagai jawatan antaranya di bidang perolehan, insurans, pengurusan fleet dan pentadbiran membolehkan beliau melihat operasi perniagaan dengan perspektif yang menyeluruh. Seperti katanya sendiri *'To see the forest instead of the tree in front of me'*.

Walaupun mempunyai latar belakang pendidikan dan latihan di bidang kewangan, minat beliau cenderung kepada bidang teknikal dan automotif. Encik Lim kini mengawasi operasi Pusat Servis Wilayah (PSW) dan aspek lain yang berkaitan dengan isu serta dasar selepas jualan. Beliau bertanggungjawab terhadap prestasi PSW Batu Caves dan Bangi serta memastikan operasi fleet SPANCO berjalan dengan lancar sebaik sahaja kenderaan diserahkan kepada pelanggan.

Sebelum ini beliau adalah Pengurus Perolehan dari 1994 hingga 1995 yang menyaksikan fleet Kerajaan Persekutuan ketika itu diganti dengan kenderaan SPANCO. Beliau juga adalah wakil pengurusan semasa SPANCO Services mencapai pengiktirafan sijil ISO9001:2000 selain merupakan Pengurus Projek penubuhan kompleks servis dan pejabat PSW di Batu Caves.

Anak jati Melaka ini telah pun mendirikan rumah tangga dan mempunyai seorang anak. Satu-satunya hobi beliau ialah bermain golf dan segala yang berkaitan dengan sukan kegemarannya itu.

Menurut Encik Lim, beliau memegang kepada falsafah kerja bahawa seseorang perlu ikhlas dan bertanggungjawab dalam apa jua yang dilakukan serta sentiasa menghormati orang lain sebelum dirinya dapat dihormati. Bagi beliau, SPANCO wujud kerana pelanggannya dan oleh itu setiap warga kerja SPANCO harus berusaha memuaskan hati mereka.

Beliau yang gembira dengan peluang dapat berinteraksi dengan pelbagai pihak sama ada dari luar dan dalam SPANCO, berkata cabaran beliau pada masa ini ialah memastikan Syarikat mengekalkan tahap kecemerlangan servis melalui peningkatan berterusan. Beliau seterusnya mahu membawa SPANCO ke tahap yang lebih tinggi dalam kecemerlangan perkhidmatan.

Matlamat 2006

Selain itu, matlamat beliau buat 2006 ialah untuk memenuhi semua indeks prestasi utama (KPI) dan bajet yang telah ditetapkan. Beliau juga sedang berusaha mempertingkatkan tahap ketersediaan kenderaan di jalan raya bagi fleet Kerajaan Persekutuan kepada 99 peratus berbanding 97 peratus sekarang.

Sasaran peningkatan dua peratus itu walaupun nampak kecil, namun memerlukan usaha gigih yang berterusan, di samping kerjasama dan sokongan yang padu daripada setiap rakan sekerja SPANCO.

Dalam pada itu, Encik Lim menjangka arus perubahan industri automobil tempatan memerlukan sokongan selepas jualan yang cekap dan berkesan. Justeru, budaya perkhidmatan yang kukuh amat diperlukan oleh sesebuah organisasi untuk berjaya dan beliau berharap dapat menjadi sebahagian daripada usaha ke arah kecemerlangan perkhidmatan tersebut.

Pesan beliau kepada rakan kerja, pembekal dan Pusat Servis Diiktiraf ialah supaya bersikap adil, ikhlas dan berhemah tinggi semasa bekerja. Di samping itu sentiasa mencari jalan untuk mencapai penyelesaian 'sama-sama menang' dan terus bergerak ke hadapan bersama SPANCO.

Encik Lim turut meluahkan kebimbangan apabila menatap angka kematian di jalan raya yang meningkat saban hari. Lantaran fleet seliaan SPANCO tidak terkecuali, beliau menasihatkan pelanggan supaya sentiasa mengamalkan sifat bersopan semasa memandu.



24-JAM... PSW Batu Caves menyediakan perkhidmatan servis automotif yang memenuhi piawaian tertinggi yang ditetapkan oleh SPANCO.

Standard Perkhidmatan: Pelanggan dijamin servis berkualiti

SEBAGAI syarikat pengurusan fleet bebas yang terulung di Malaysia, SPANCO menguruskan pembekalan dan penyenggaraan fleet kenderaan untuk 39 kementerian dengan kenderaan yang berjumlah lebih 5,000 buah di seluruh negara.

Di bawah Pengurusan Fleet Profesional, kenderaan diganti pada kitaran penggantian tetap dan diservis serta diperiksa dengan kerap bagi menjamin prestasi dan pengendalian jalan yang optimum.

Terdapat dua buah Pusat Servis Wilayah (PSW) yang disokong oleh rangkaian lebih 200 buah Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh negara, yang memastikan kenderaan berada di jalan raya dengan masa rosak yang minimum.

Pengurus Besar, Operasi Servis, Encik Peter Lim berkata, beliau bertanggungjawab terhadap prestasi kedua-dua PSW iaitu PSW Batu Caves dan PSW Bangi. Ini termasuk perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan sebaik sahaja mereka menerima kenderaan daripada SPANCO.

Menurut beliau, bagi memastikan operasi yang cekap dan lancar, SPANCO mengamalkan hanya yang terbaik mengikut piawaian tertinggi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

■ **SERVIS BERJADUAL - DALAM TEMPOH DUA HARI**

Setiap kenderaan yang dihantar ke PSW untuk servis lazim dijamin siap untuk digunakan semula dalam tempoh selewat-lewatnya dua hari bekerja.

■ **MASA TINDAK BALAS - DALAM TEMPOH SINGKAT**

Pelanggan dijamin akan menerima bantuan kecemasan daripada pasukan bantuan servis kerosakan, khidmat tunda atau PSD yang paling hampir dalam tempoh yang singkat.

■ **TAHAP KESEDIAAN KENDERAAN 97 PERATUS**

Sejumlah 97 peratus daripada keseluruhan fleet, atau 4,936 daripada 5,089 buah, dijamin dalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan dalam satu-satu masa. Usaha sedang dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kepada 99 peratus.

■ **JADUAL PENYENGGARAAN CEGAHAN**

Dengan melakukan pembaikan sebelum rosak seperti menukar alat ganti secara berjadual, pelanggan dijamin kenderaan yang sempurna dan bebas daripada sebarang masalah.

■ **ULASAN PRESTASI SECARA PROAKTIF**

Pelanggan akan disyorkan untuk penggantian awal sekiranya kereta bermasalah atau atas sebab teknikal. Selain itu mereka turut menerima laporan mengenai prestasi PSD.

■ **KHIDMAT BANTUAN 24 JAM**

■ **KERETA IHSAN/GANTIAN**

SPANCO juga mempunyai akses kepada piawaian dan amalan antarabangsa. Ia merupakan ahli Persatuan Pengurusan Fleet Australasia (AFMA) dan afiliasi seperti itu memberi SPANCO peluang untuk terus menyemak semula sistem, prosedur dan teknologinya.

Encik Lim berkata, pensijilan dan afiliasi antarabangsa memanfaatkan pelanggan SPANCO melalui perkhidmatan pengurusan fleet profesional yang lebih bermutu dan sentiasa dipertingkatkan.

KELEBIHAN

Pengurusan Fleet Profesional



PROFESIONAL... Pengurusan fleet adalah sebahagian daripada strategi perniagaan yang memerlukan perhatian khusus dan ia mampu dibekalkan oleh pihak ketiga.



MESRA... Pelanggan boleh mendapatkan khidmat nasihat mengenai kenderaan mereka daripada penasihat yang pakar.

BAGI kebanyakan syarikat di Malaysia, pengurusan fleet masih lagi dianggap tidak penting dan hanyalah sebagai tambahan kepada pengurusan korporat atau sumber manusia. Syarikat-syarikat itu mungkin tidak menyedari bahawa pengangkutan adalah kos kedua terbesar selepas perbelanjaan terhadap kakitangan.

Hanya beberapa tahun kebelakangan ini komuniti perniagaan menyedari akan kepentingan kenderaan korporat dan pengurusan fleet sebagai sebahagian daripada strategi perniagaan yang memerlukan perhatian khusus. Di sinilah perlunya sesebuah syarikat mendapatkan per-

khidmatan pakar dari luar.

Pengurusan fleet bukan hanya sekadar membeli dan menjual kereta syarikat. Sebagai permulaan, terdapat pelbagai pilihan jual beli dan pinjaman kenderaan yang disediakan.

Sewa kontrak, sewa beli, pembelian kontrak atau pemilikan sendiri mungkin pilihan yang tepat untuk sesebuah syarikat tetapi bukan untuk syarikat yang lain. Oleh itu syarikat perlu benar-benar memahami aspek setiap opsyen sebelum membuat pilihan.

Selepas pilihan pinjaman dibuat, terdapat pula pelbagai isu lain seperti cukai, pengurusan bahan api dan penyenggaraan yang perlu ditangani. Jika tidak diuruskan dengan baik, ia boleh

melibatkan kos yang tinggi. Dengan peralatan pengurusan yang betul, pengurusan fleet boleh mengawal kos dan menjimatkan syarikat berjuta-juta ringgit.

Keberkesanan kos adalah kunci bukan sahaja dalam membuat keputusan pinjaman yang tepat tetapi juga mengawal kos operasi harian fleet.

Kos bahan api boleh dikawal dengan kad minyak manakala penyenggaraan akan menjadi lebih berkesan daripada segi masa dan wang dengan rangkaian penyenggaraan berjadual. Khidmat itu hanya boleh disediakan dengan cekap oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga.

Selain itu, sebagai pembekal perkhidmatan pakar, pengurus

fleet boleh menganalisis data untuk menentukan pemandu mana yang paling selamat dan cekap.

Keberkesanan pengurusan fleet bergantung kepada pengurusan maklumat yang cekap. Kekuatan itu ada pada SPANCO melalui platform e-dagang (*Fleet Online*) yang disediakan melalui laman web korporat di mana pelanggan boleh mengakses laporan pengurusan yang menyediakan maklumat penting pilihan mereka.

Pengurusan penyenggaraan, kos bahan api dan analisis perbatuan adalah antara tiga elemen utama dalam pengawalan kos. Untuk berjaya, sesebuah syarikat perlu bergantung pada pembekal fleetnya. Ia memerlukan pembekal yang menyediakan maklumat apabila diperlukan dan dalam format yang diminta bagi meningkatkan nilai serta memberikan penyelesaian yang sebenar.

Pelbagai faedah bakal diperolehi apabila syarikat menyedari betapa pentingnya pengurusan fleet dalam survival korporat mereka. Di sinilah SPANCO sebagai pengurus fleet profesional mempamerkan kelebihanannya.



CANGGIH... Penyenggaraan berjadual dan cegahan yang disediakan oleh pengurus fleet SPANCO memastikan tahap penggunaan kenderaan yang optimum untuk pelanggan.

KENAPA MEMILIH KHIDMAT PIHAK KETIGA?

- Membolehkan syarikat menumpu kepada operasi teras
- Menyediakan pilihan yang lebih baik dalam merealisasikan nilai untuk aktiviti bukan teras
- Pendekatan profesional dalam pengurusan fleet – meningkatkan keupayaan syarikat dalam menyediakan tahap perkhidmatan yang bermutu kepada pelanggan
- Tiada perbelanjaan modal pendahuluan – dana boleh digunakan untuk aktiviti teras
- Penggantian kenderaan pada kitaran yang telah ditentukan

- Tidak dibebani oleh masalah pengurusan dan sumber manusia - menjimatkan kos
- Kenderaan yang dijaga rapi, tidak kerap rosak dan sentiasa bersedia
- Dilindungi daripada ketidakpastian pasaran kereta terpakai apabila dijual
- Tidak perlu menguruskan kerosakan dan kemalangan - semua diuruskan oleh pihak ketiga
- Caj sewa dan penyenggaraan yang tetap yang telah ditentukan - tiada kos tambahan
- Pengurusan insurans
- Pengurusan kesalahan trafik

- Perkhidmatan kerosakan 24-jam 7-hari seminggu
- Khidmat Bantuan 24-jam 7-hari seminggu

KENAPA MEMILIH SPANCO?

- Menjimatkan
- Mutu perkhidmatan yang dipertingkatkan
- Rekod perkhidmatan selama 12 tahun dalam pengurusan fleet
- Pengalaman yang berkaitan
- Pendekatan rakan kongsi untuk menghasilkan hanya yang terbaik
- Keupayaan melaksanakannya serta merta

e-Kerajaan dan SPANCO Fleet Online

Usaha Berterusan Tingkatkan Perkhidmatan

Perkembangan teknologi yang mempengaruhi permintaan dan proses perniagaan mendorong perkhidmatan yang lebih cekap, mudah dan pantas

KERAJAAN Elektronik atau e-Kerajaan bermaksud penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam proses menyediakan produk serta perkhidmatan kepada awam. Ini termasuk khidmat seperti pencarian maklumat, pembayaran bil dan saman, permohonan dan pembaharuan lesen serta lain-lain lagi.

Perkembangan teknologi yang pesat memberi cabaran kepada agensi, pembekal dan rakan kongsi kerajaan membangunkan

e-Kerajaan yang berkesan selain mengenal pasti peluang baru. Mereka perlu peka kepada inovasi teknologi yang pantas berubah untuk memastikan perkhidmatan *online* yang lancar.

Kejayaan e-Kerajaan sebenarnya bergantung kepada tahap kepekaan perkhidmatan di mana masyarakat dan komuniti peniaga dilayan seperti pelanggan. Mengutamakan pelanggan bermakna menghasilkan perkhidmatan yang memenuhi keperluan mereka dan bukannya keperluan agensi yang menyediakan perkhidmatan itu.

Pada masa yang sama, e-Kerajaan menambah aliran dan proses maklumat di dalam kerajaan itu sendiri bagi meningkatkan pembangunan, koordinasi dan pelaksanaan dasar.

Bagaimanapun, kajian menunjukkan majoriti penggunaan khidmat e-Kerajaan terdiri daripada pencarian maklumat dalam talian dan bukannya transaksi sebenar. Ia mungkin disebabkan oleh anggapan risiko keselamatan.

Jika penggunaan hendak dipertingkatkan, mesej tentang tahap keselamatan perkhidmatan dalam talian perlu disebarkan dengan berkesan kepada masyarakat.

MAKLUMAT DI HUJUNG JARI...
Laman web rasmi SPANCO yang dikemaskini dan menyediakan pelbagai khidmat dalam talian yang mudah untuk pelanggan nikmati.





Fleet Online menyediakan pelanggan SPANCO kemudahan dan fleksibiliti menguruskan fleet kenderaan mereka. Pelanggan dijamin bahawa segala urusan yang dilakukan melalui perkhidmatan itu adalah selamat.

CAPAIAN MUDAH... Pelanggan yang mahu menggunakan khidmat dalam talian perlu mendapatkan ID pengguna dan kata laluan daripada SPANCO.

FLEET ONLINE

Matlamat menyediakan *Fleet Online* melalui laman web SPANCO adalah untuk mempertingkatkan tahap servis kepada Kerajaan Malaysia melalui perkhidmatan dalam talian yang lebih interaktif. Inisiatif itu selaras usaha menghasilkan e-Kerajaan dan menggalakkan penggunaan ICT seperti yang disebutkan tadi.

Fleet Online menyediakan pelanggan SPANCO kemudahan dan fleksibiliti menguruskan fleet kenderaan mereka. Pelanggan dijamin bahawa segala urusan yang dilakukan melalui perkhidmatan itu adalah selamat.

Sejak pelancarannya pada awal tahun lepas, *Fleet Online* menerima pelbagai respons dan maklum balas daripada pelanggan yang inginkan lebih banyak perkhidmatan fleet secara dalam talian disediakan.

SPANCO sedang melakukan taklimat dari jabatan ke jabatan bagi mempromosikannya. Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan itu secara percuma dengan melayari www.spanco.com.my.

Mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan dalam talian *Fleet Online* diminta menghubungi SPANCO untuk mendapatkan ID pengguna dan kata laluan.

E-VEHICLE ORDER

Menyedari cabaran dalam meningkatkan kepuasan pelanggan, SPANCO sentiasa mengemaskini perkhidmatannya termasuk yang disediakan secara dalam talian.

e-Vehicle Order (e-VO), yang dilancarkan di peringkat percubaan adalah antara perkhidmatan yang dimaksudkan.

Modul e-VO membolehkan Pra-VO (pesanan kenderaan) dikeluarkan kepada Kementerian yang berkenaan dan Perbendaharaan untuk kelulusan.

Proses aliran kerja adalah seperti berikut:

- SPANCO menyediakan Pra-VO
- Pra-VO dihantar kepada Kementerian yang berkenaan untuk verifikasi, pengesahan dan kelulusan di peringkat Kementerian.
- Selepas diluluskan oleh Kementerian, Pra-VO akan dihantar kepada pihak berkuasa yang berkenaan di Perbendaharaan untuk verifikasi, pengesahan dan kelulusan.
- Selepas diluluskan oleh Perbendaharaan, Pra-VO kemudian akan dihantar kembali ke SPANCO untuk diproses.

CIRI-CIRI:

- Pelanggan boleh mengetahui di mana Pra-VO berada sama ada di peringkat Kementerian atau Perbendaharaan.
- Pelanggan juga dapat menyemak status pesanan atau pembelian kenderaan iaitu sama ada menunggu atau telah diverifikasi, menunggu pengesahan, disahkan, menunggu kelulusan atau telah diluluskan.
- Pelanggan di peringkat Kementerian dan Perbendaharaan boleh mengedit butiran Pra-VO.
- Modul boleh digunakan untuk menggantikan kenderaan lama dan membuat pesanan kenderaan baru.
- Untuk penggantian, *Fleet Online* akan menyenaraikan semua kenderaan yang perlu diganti berdasarkan tarikh luput.

Buat masa ini, modul e-VO disediakan secara percubaan untuk beberapa kementerian terpilih sahaja. Perkhidmatan dalam talian interaktif yang lain seperti maklum balas (*e-Issue management*), perbincangan (*e-Forum*) dan banyak lagi sedang dalam perancangan.

Asas Pengurusan Risiko Untuk Pemilik Fleet



PELABURAN TINGGI...
Pemandu diamanahkan dengan aset syarikat bernilai puluhan ribu, justeru keselamatan mereka perlu diberi keutamaan.

Majikan juga bertanggungjawab memastikan setiap aktiviti syarikat berkaitan pemanduan tidak mendatangkan risiko kepada pengguna jalan raya yang lain.

PROFIL PEMANDU

Mewujudkan profil untuk semua pemandu syarikat boleh membantu majikan menentukan tahap kemahiran, pengalaman dan pendedahan mereka. Ia sebagai rujukan penting dalam pengawasan pemandu dan kenderaan mereka.

Profil fleet perlu mengandungi butiran asas tetapi penting seperti:

- Umur
- Tempoh bekerja dengan organisasi/syarikat
- Jumlah kilometer dipandu dalam setahun
- Tempoh lesen memandu diperolehi
- Fungsi tugas

Majikan perlu memeriksa lesen memandu kakitangan mereka sekurang-kurangnya setahun sekali.

TUNTUTAN LEPAS

Sejarah tuntutan adalah asas bagi pengurusan risiko fleet. Kebanyakan organisasi kini menyimpan laporan tuntutan pada komputer dan ia memudahkan lagi pelaksanaan analisis kemalangan dan kos yang terlibat.

Maklumat tentang kemalangan serta tuntutan perlu direkodkan. Lazimnya, siasatan punca kemalangan dapat membantu organisasi melaksanakan langkah pencegahan yang mudah tetapi amat berkesan.

Trend kemalangan kemudian boleh dianalisis bagi membantu mengenal pasti pemandu yang berisiko selain faktor risiko yang lain. Seterusnya tindakan susulan boleh dilaksanakan berpandukan trend itu.

FLEET kenderaan merupakan pelaburan yang sangat besar nilainya, maka syarikat atau organisasi perlu mengambil langkah bijak untuk melindunginya. Ini termasuk mengamalkan pengurusan risiko dalam mengendalikan fleet mereka.

Sebagai contoh, purata lebih 30 peratus kenderaan di dalam fleet Kerajaan Persekutuan yang diselia SPANCO akan mengalami kemalangan setiap tahun. Pada 2005 sahaja, tiga kes kemalangan maut yang meragut enam nyawa dicatatkan selain pelbagai kes yang membabitkan kecederaan.

Justeru, pemilik fleet perlu mengurus kenderaan dan sumber tenaga pekerja mereka dengan cekap kerana kedua-dua aset itu saling mempengaruhi. Dengan mengutamakan keselamatan pemandu, majikan dapat melindungi fleet kenderaan yang dimilikinya, sekali gus hubungan yang baik diwujudkan dengan pekerja.

PEMANDU

Majikan dikehendaki memastikan tahap kesihatan, keselamatan dan kebajikan setiap pekerja yang memandu semasa bertugas.

MENAPIS PEMANDU

Pemeriksaan kesihatan – pemandu terutama yang berusia perlu menjalani pemeriksaan kesihatan, termasuk pemeriksaan mata sekurang-kurangnya setiap lima tahun untuk memperbaharui lesen mereka.

Lesen memandu – perlu diperiksa untuk mengesahkan kelas kenderaan dan tempoh lesen diperolehi. Sejarah kemalangan dan tuntutan perlu diperolehi daripada majikan sebelumnya sebagai rujukan.

Latihan – Sesi suai kenal memberi peluang mengenalkan falsafah, sistem dan prosedur organisasi, di samping memberitahu pemandu bahawa organisasi mengambil berat tentang kesihatan dan keselamatan mereka.

BUKU PANDUAN PEMANDU

Salah satu cara paling berkesan untuk berhubung dengan pemandu ialah dengan menyediakan buku panduan. Risalah kecil itu perlu mengandungi panduan dan arahan jelas tentang cara kerja, sistem, prosedur, tugas pemandu dan langkah yang perlu diambil jika berlaku kecemasan.

Untuk memastikan pemandu memahaminya, kandungan di dalam buku panduan perlu diterangkan semasa sesi suai kenal pemandu baru.

KENDERAAN

Dalam pengurusan risiko, pemilik perlu mempertimbangkan jenis kenderaan yang akan digunakan bagi mengoptimumkan fleet. Kenderaan perlu dinilai antaranya mengikut:

- Kos
- Kapasiti muatan
- Kapasiti tempat duduk
- Jenis bahan api
- Saiz enjin

Pertimbangan lain termasuklah:

- Umur dan pengalaman individu yang akan memandunya

- Keperluan servis
- Ketersediaan pengedar dan pusat servis

RISIKO PERJALANAN

Keletihan adalah masalah utama semua pemandu. Apabila terlalu letih, setiap orang berpotensi untuk hilang tumpuan terutama sekali jika mengendali jentera berat seperti memandu kenderaan.

Terdapat beberapa garis panduan yang perlu diberi perhatian untuk mengurangkan risiko perjalanan.

Antaranya:

- Laluan perjalanan hendaklah dirancang terlebih dahulu untuk memaksimumkan keselamatan dan meminimumkan masa memandu.

- Jadual hendaklah realistik dan boleh dicapai.
- Masa yang cukup perlu diberikan untuk sampai ke destinasi dengan selamat.
- Jarak memandu hendaklah tidak terlalu jauh dan masa rehat perlu diambil kira untuk mengurangkan keletihan.

Pelaksanaan garis panduan keselamatan asas mampu melindungi pemandu dan organisasi serta pemilik fleet bertanggungjawab untuk memastikan ia sentiasa dipatuhi.

CARI PUNCA... Siasatan punca kemalangan dapat membantu organisasi melaksanakan langkah pencegahan yang mudah dan berkesan.



Statistik KEMALANGAN KEBANGSAAN

Jumlah Kenderaan Bertambah, Indeks Menurun

MALANG BERBAU...
Kajian mendapati kemalangan umumnya berpunca daripada kesilapan manusia seperti sifat gopoh, berlumba-lumba dan tidak mematuhi peraturan.

STATISTIK yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan menunjukkan sejumlah 14.8 juta kenderaan didaftarkan di negara ini tahun lepas berbanding hanya 7.7 juta 10 tahun dahulu.

Walaupun dengan pertambahan bilangan kenderaan, terdapat pengurangan pada indeks kemalangan dan indeks kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar. Malaysia mencatatkan indeks kematian pada 4.18 bagi 2005 berbanding 8.2 bagi 1996.

Sebagai perbandingan, purata indeks kematian di negara-negara maju adalah dua bagi setiap 10,000 buah kenderaan.

Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy menyatakan kementerian mensasarkan untuk mengurangkan kadar di bawah empat kematian bagi setiap 10,000 kenderaan pada tahun

ini. Beliau percaya angka itu dapat dicapai melalui pelbagai operasi yang dilaksanakan seperti Ops Sikap oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

PDRM dan JPJ akan melancarkan operasi penguatkuasaan besar-besaran yang menumpu kepada penunggang dan pembonceng motosikal. Operasi itu bagi membendung kesalahan trafik yang lazim seperti tidak memakai topi keledar, melanggar lampu merah dan lumba haram.

In berikutan kajian mendapati 62 peratus daripada kemalangan maut pada 2005 melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Justeru, operasi yang dilaksanakan bukan bertujuan menyusahkan mereka, tetapi sebenarnya bagi mengurangkan kadar kemalangan tinggi yang dicatatkan oleh golongan tersebut.



Indeks Kemalangan dan

Tahun	Bilangan Kenderaan Berdaftar	
1996	7,686,684	
1997	8,550,469	
1998	9,141,357	
1999	9,929,951	
2000	10,589,804	
2001	11,302,545	
2002	12,068,144	
2003	12,868,934	
2004	13,764,837	
2005	14,816,407	

(sumber: Kementerian Pengangkutan)



Ops Sikap X catat 226 kematian

15 terkorban setiap hari berbanding 17 pada hari biasa

JUMLAH mangsa yang terkorban sepanjang Ops Sikap X menunjukkan peningkatan sebanyak 20.2 peratus dengan 226 kematian berbanding 188 pada tempoh yang sama dalam Ops Sikap VIII tahun sebelumnya.

Operasi yang diadakan sempena Tahun Baru Cina bermula 23 Januari hingga 6 Februari lalu turut menyaksikan peningkatan dalam jumlah kes kemalangan maut yang dilaporkan iaitu 27.3 peratus dengan 205 berbanding 161 kes pada 2005.

Turut dilaporkan meningkat ialah jumlah kemalangan keseluruhan iaitu 13,153 kes atau peningkatan 14.8 peratus berbanding 11,462 kes yang dicatatkan tahun lepas.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan penunggang motosikal paling ramai yang terkorban iaitu sebanyak 139 orang. Penumpang kereta pula mencatat 24 kematian, diikuti pemandu kereta sebanyak 23, pejalan kaki (11), pembonceng motosikal (9), penunggang basikal (9), lain-lain kenderaan (4), jip (2), van (2), bas (2) dan lori (1).

Berdasarkan statistik keseluruhan, jalan persekutuan mencatatkan angka tertinggi iaitu sebanyak 83 kes kemalangan maut yang meragut 96 nyawa kesemuanya.

Kajian PDRM juga mendapati sikap degil serta cuai segelintir pengguna jalan raya adalah antara penyumbang utama kenaikan kadar kemalangan pada Ops Sikap

kali ini. Sikap suka melanggar peraturan lalu lintas menyebabkan objektif utama Ops Sikap sukar dicapai. PDRM mengeluarkan sejumlah 159,870 saman di seluruh negara sepanjang operasi.

Siasatan turut mendapati sebanyak 30.7 peratus atau 63 kes kemalangan yang berlaku di seluruh negara disebabkan terbabas sendiri. Ia disusuli dengan makan jalan 17.5 peratus (36), cuba memotong 17.5 peratus (36), tidak nampak kenderaan lain 6.3 peratus (13), cuai keluar-masuk simpang 10.73 peratus (22) dan mengekori terlalu rapat 4.3 peratus (9).

Punca lain ialah cuai melintas jalan 3.4 peratus (7), melawan aliran trafik 1.9 peratus (4), membuat pusingan U atau menyeberang jalan 2.4 peratus (5), letih 0.9 peratus (2) dan lain-lain 3.9 peratus (8).

Selain itu, faktor pertambahan bilangan kenderaan di atas jalan raya sempena cuti perayaan besar-besaran mempengaruhi peningkatan jumlah kemalangan. Orang ramai yang berpusu-pusu pulang ke kampung pada musim cuti dikenal pasti antara punca jumlah kemalangan meningkat.

Secara purata 15 orang terkorban setiap hari sepanjang 15 hari operasi dijalankan. Namun walaupun lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya, angka itu lebih rendah berbanding kemalangan pada hari biasa (bukan musim perayaan) iaitu purata 17 kematian setiap hari.

an Kematian 1996-2005

Bilangan Kemalangan/10,000 Kenderaan	Bilangan Kematian/10,000 Kenderaan
246	8.2
252.2	7.37
230.9	6.28
224.7	5.83
236.3	5.69
234.6	5.17
232.7	4.9
233	4.9
237.4	4.52
220.6	4.18

SAMAN POLIS TRAFIK

5 soalan sering ditanya

BERIKUT ialah beberapa soalan yang kerap dikemukakan oleh pengguna jalan raya Malaysia mengenai saman yang dikeluarkan Polis Trafik.

S: Bolehkah saya menyemak saman secara online?

J: Anda boleh menyemak saman secara dalam talian (*online*) dengan melayari laman web Polis Diraja Malaysia <http://www.rmp.gov.my> di ruangan 'Semakan Saman & Bayaran Kompaun Trafik'. Selain itu, pengguna TMTouch boleh menyemak saman melalui sistem SMS. SMS 'PDRM' ke 21999.

S: Apabila menerima saman, apa yang mesti saya lakukan?

J: Anda boleh melakukan perkara berikut:

- Membayar kompaun mengikut kadar yang ditawarkan
- Membuat rayuan pengurangan kadar bayaran kompaun
- Hadir di mahkamah menurut tarikh yang ditetapkan.

S: Di manakah saman boleh dijelaskan?

J: Saman boleh dijelaskan di mana-mana Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD).

S: Bagaimanakah caranya saya memohon pengurangan kadar bayaran saman?



KENA SAMAN... Untuk mengurangkan kadar bayaran saman, pesalah trafik hanya boleh memohon kepada Pegawai Kompaun IPD di mana beliau melakukan kesalahan itu.

J: Permohonan untuk mengurangkan kadar bayaran saman boleh dibuat kepada Pegawai Kompaun di IPD di mana saman itu dikeluarkan. Jumlah yang perlu dibayar adalah bergantung kepada budi bicara pegawai kompaun dan alasan kukuh di dalam rayuan pemohon. Untuk makluman kadar bayaran yang ditawarkan sebenarnya memang telah dikurangkan dari kadar asal (maksimum RM300.00).

S: Saya telah membuat laporan polis tentang kehilangan kenderaan saya. Selepas suatu tempoh, saya telah membuat laporan penemuan kenderaan tersebut. Saya telah menerima kenderaan tersebut dari pihak polis berserta surat penyerahan. Bolehkah saya memperbaharui cukai jalan kenderaan saya?

J: Ya. Anda boleh memperbaharui cukai jalan kenderaan anda.

Apabila laporan kehilangan kenderaan dibuat:

- pihak polis akan memasukkan butir kenderaan anda ke dalam suatu sistem komputer secara *online* dengan pihak JPJ
- kenderaan akan disenaraihitamkan secara automatik dan cukai jalan tidak boleh diperbaharui.

Apabila penemuan dibuat:

- pihak polis atau pemilik sebenar kenderaan akan membuat laporan penemuan
- surat penyerahan kenderaan akan dikeluarkan kepada pemilik dan kenderaan akan dikeluarkan dari senarai hitam.

(Sumber: Cawangan Perhubungan Awam, Polis Diraja Malaysia, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman)

Sistem Stereng dan Gantungan

Tip Penjagaan dan Mengenal pasti Masalah

SISTEM stereng dan gantungan bukan sahaja penting dari segi keselamatan tetapi juga meningkatkan tahap keselesaan memandu. Kedua-dua sistem itu saling berkait antara satu sama lain.

Walaupun ia direka untuk tahan lasak namun jika kedua-duanya rosak akan menyebabkan kenderaan sukar dikawal. Kesan yang paling kecil ialah tayar akan cepat haus manakala yang paling bahaya ialah boleh mengakibatkan kemalangan.

Jika dibiarkan, masalah yang kecil akan menjadi besar dan membahayakan pemandu serta penumpang. Berikut adalah beberapa panduan berguna untuk menjaga dan mengenal pasti masalah biasa yang dihadapi oleh sistem stereng dan gantungan.

Masalah Biasa:

- Penyerap hentakan dan sangga boleh menjadi haus dan memberi kesan kepada pengendalian kereta. Jika kereta melantun dengan ketara semasa melalui bonggol dan menyendeng semasa membelok,

penyerap hentakan mungkin telah haus. Tanda yang jelas menandakan penyerap hentakan dan sangga yang haus ialah terdapat kesan minyak bocor di belakang tayar.


- Sambungan bebola yang haus atau lusuh boleh menyebabkan kereta tidak dapat dikawal semasa di jalan raya dan ia sangat membahayakan.

Langkah pencegahan:


- Kerap periksa kebocoran penyerap hentakan dan sangga. Perhatikan bagaimana keadaan pengendalian kenderaan dan sekiranya didapati semakin teruk, bawa kenderaan ke pusat servis untuk diperiksa.
- Sambungan bebola perlu diperiksa sekurang-kurangnya dua kali setahun. Ia biasanya diperiksa setiap kali kenderaan dihantar untuk diservis.
- Setiap kali menukar minyak enjin, pastikan pusat servis anda melincirkan sambungan bebola dan komponen gantungan yang lain.


Masalah dan Cadangan Penyelesaian

Berikut adalah masalah sistem stereng dan gantungan biasa yang sering dihadapi dan juga punca serta penyelesaian yang mungkin boleh diambil.

MASALAH	KEMUNGKINAN	PENYELESAIAN
Kereta kuat melantun	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyerap hentakan haus atau bocor. 2. Bingkai penyerap hentakan patah atau bengkok. 	<p>Ganti penyerap hentakan.</p> <p>Baiki atau tukar.</p>
Stereng sukar dipusingkan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tekanan tayar rendah. 2. Tayar tidak sejajar. 3. Kotak stereng kuasa, rak atau pam rosak. 4. Tahap cecair stereng kuasa rendah. 5. Tali pemacu stereng kuasa rosak atau putus. 6. Gear stereng perlu dilincirkan atau dibaiki. 	<p>Periksa dan laraskan tekanan.</p> <p>Lakukan penjajaran.</p> <p>Baiki atau ganti stereng kuasa atau pam jika perlu.</p> <p>Tambah cecair.</p> <p>Ganti tali pemacu stereng kuasa.</p> <p>Lincir atau ganti alat gear stereng.</p>



MASALAH	KEMUNGKINAN	PENYELESAIAN
Stereng longgar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penghubung stereng haus dan perlu diganti. 2. Peralatan penghubung stereng longgar. 3. Kotak stereng perlu dilaraskan. 	<p>Ganti yang berkaitan.</p> <p>Ketatkan atau ganti alat yang longgar.</p> <p>Laraskan kotak stereng.</p>
Kereta bergerak ke sisi semasa dipandu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tekanan tayar tak sama. 2. Tayar tidak sejajar. 3. Salah satu brek tersangkut atau melekat. 4. Bahagian penghubung stereng longgar dan perlu diketatkan. 5. Tayar haus secara tidak serata. 	<p>Periksa dan laras tekanan tayar.</p> <p>Lakukan penjajaran.</p> <p>Periksa brek dan baiki jika perlu.</p> <p>Ketatkan atau ganti alat yang longgar.</p> <p>Ganti tayar jika perlu.</p>
<p>Stereng tersentak-sentak</p> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tali pemacu stereng kuasa rosak atau longgar. 2. Tahap cecair stereng kuasa rendah. 3. Enjin melahu terlalu rendah. 4. Masalah pam stereng kuasa. 5. Penghubung stereng bergesel dengan sesuatu. 	<p>Ketatkan atau ganti tali pemacu stereng kuasa.</p> <p>Tambah cecair.</p> <p>Laras kelajuan melahu.</p> <p>Baiki atau gantikan pam.</p> <p>Periksa stereng kuasa dan ganti yang rosak.</p>
Stereng bergegar (pada kelajuan 80 hingga 100 km/j)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rotor dan dram brek bengkok atau rosak. 2. Nat rim longgar. 3. Tayar tak seimbang. 4. Bahagian penghubung stereng longgar dan perlu diketatkan. 5. Rim bengkok atau rosak. 6. Tayar yang terlalu haus atau rosak. 	<p>Baiki atau ganti rotor dan dram brek.</p> <p>Ketatkan nat.</p> <p>Imbangkan tayar.</p> <p>Ketatkan atau ganti alat yang longgar.</p> <p>Ganti rim.</p> <p>Ganti tayar.</p>
Stereng terhuyung hayang apabila bergerak pada kelajuan biasa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tekanan tayar tak sama. 2. Tayar tak seimbang. 3. Tayar haus atau rosak. 	<p>Periksa dan laraskan tekanan tayar.</p> <p>Imbang tayar</p> <p>Ganti tayar.</p>

MASALAH	KEMUNGKINAN	PENYELESAIAN
	<ol style="list-style-type: none"> Bahagian penghubung stereng longgar dan perlu diketatkan. Bahagian gantungan haus. 	<p>Ketatkan atau ganti alat yang longgar.</p> <p>Ganti alat gantungan.</p>
<p>Bunyi semasa membelok</p> 	<ol style="list-style-type: none"> Gear stereng perlu dilincirkan. Bahagian penghubung stereng longgar dan perlu diketatkan. Tayar terkena atau bergesel sesuatu. Bahagian gantungan haus. Jajaran stereng terkena atau bergesel sesuatu. 	<p>Lincirkan bahagian gear stereng.</p> <p>Ketatkan atau ganti alat yang longgar.</p> <p>Cari gangguan dan baiki.</p> <p>Gantikan alat gantungan.</p> <p>Cari gangguan dan baiki.</p>
<p>Bunyi bising daripada unit stereng kuasa</p>	<ol style="list-style-type: none"> Tali pemacu stereng kuasa rosak atau longgar. Cecair dalam sistem mengandungi udara. Tahap cecair simpanan stereng kuasa rendah. Bingkai pam stereng kuasa longgar atau rosak. 	<p>Ketatkan atau ganti tali pemacu stereng kuasa.</p> <p>Keluarkan udara daripada sistem.</p> <p>Tambah cecair ke tahap yang perlu.</p> <p>Baiki atau ganti bingkai pam stereng kuasa.</p>

Senarai di atas hanyalah sebahagian sahaja daripada masalah yang mungkin terdapat pada sistem stereng dan gantungan. Ia sebenarnya satu subjek yang rumit dan perlu diserahkan kepada yang pakar. Justeru, sila bawa kereta anda untuk diperiksa dengan segera jika terdapat gegaran atau masalah pengendalian yang luar biasa.

Mengapa perlu melakukan penjajaran tayar?

Walaupun kereta dipandu dengan cermat, penjajaran roda hadapan akan berubah di bawah pemanduan biasa. Melakukan penjajaran secara kerap akan:

- Mencegah kehausan atau kerosakan tayar yang cepat
- Menjimatkan penggunaan minyak
- Memperbaiki pengendalian memandu

TERMAJU... Alat penjajaran roda berkomputer digunakan di PSW Batu Caves untuk melaraskan sistem geometri stereng dengan tepat.



Adakah anda seorang PEMANDU YANG SIHAT?

Keberkesanan dan kecekapan memandu amat bergantung pada tahap kesihatan tubuh seseorang dan bagaimana menangani tekanan

MEMILIKI kenderaan yang dijaga dengan baik tidak membawa erti jika kesihatan pemandu tidak sepadan dengan tahap kemantapan kenderaan yang dipandu.

Ada pemandu yang bertanggungjawab terhadap aset yang bernilai sehingga jutaan ringgit dan mereka sering mengalami tekanan apabila berhadapan dengan cabaran di jalan raya masa kini.

Justeru, aspek kesihatan pemandu tidak boleh sama sekali diambil mudah oleh majikan dan pemandu itu sendiri. Kesihatan yang terabai boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk dari segi kecekapan, mutu kerja dan juga tahap pemanduan.

Terdapat tabiat tidak sihat sama ada semasa di jalan raya atau dalam kehidupan seharian yang boleh mendatangkan kesan buruk terhadap pemanduan seseorang.

Antaranya ialah:

- Tidak cukup tidur
- Memandu lewat malam
- Kurang bersenam
- Memandu dalam keadaan emosi yang terganggu, terlalu letih atau tertekan
- Tidak minum air yang cukup – kekurangan air boleh mengganggu keupayaan berfikir
- Memandu jauh tanpa rehat yang cukup

- Tidak memakai cermin mata atau kanta lekap yang sesuai
- Menyalahgunakan alkohol atau dadah

Selain itu, keadaan kesihatan juga boleh mengganggu pemanduan. Ini termasuk penyakit seperti:

- Lemah jantung
- Angin ahmar
- Arthritis atau sakit sendi
- Gangguan tidur
- Penyakit *Alzheimer* dan demensia
- Kencing manis
- Masalah penglihatan termasuk katarak dan glaukoma
- Cacat pendengaran
- Kecacatan kaki seperti bunion yang menyakitkan
- Penyakit saraf seperti penyakit *Parkinson's*
- Asma dan penyakit paru-paru
- Epilepsi
- Kecederaan atau kecacatan yang mengehadkan pergerakan

Di samping itu, terdapat sesetengah jenis ubat yang boleh mengakibatkan seseorang itu tidak dapat memandu dengan berkesan. Ubat selesema antihistamina sebagai contoh, turut mengandungi bahan yang terdapat pada ubat tidur.

Pemandu yang cekap perlu mengetahui ubat yang diambil

sebelum memulakan pemanduan.

Antara ubat-ubatan biasa yang boleh menjejaskan keupayaan memandu adalah:

- Antihistamina, boleh menyebabkan rasa mengantuk
- Ubat anti tekanan trikitar (*tricyclic*)
- Ubat penenang perasaan
- Ubat penahan sakit yang mengandungi kodeina (*codeine*)
- Ubat yang merehatkan otot
- Anti-psikotik
- Ubat tekanan darah tinggi
- Agen glaukoma
- Ubat mabuk kenderaan
- Ubat jerawat (*accutane*)

Pemandu yang sihat adalah aset paling berharga bagi syarikat. Oleh yang demikian majikan perlu mengutamakan tahap kesihatan pemandu bagi faedah semua pihak.

Kesihatan yang terabai boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk dari segi kecekapan, mutu kerja dan juga tahap pemanduan.

Pelanggan Nikmati Perlindungan Penuh

Pelanggan SPANCO dilindungi sepenuhnya melalui:



■ INSURANS

Insurans perlindungan komprehensif termasuk pemandu (yang dilantik Kementerian/Jabatan) dan empat penumpang.



■ PUSAT SERVIS DIKTIRAF

Lebih 200 rangkaian Pusat Servis Diiktiraf di seluruh Malaysia disediakan sebagai khidmat sokongan.



■ PEMBAIKAN DAN SENGGAARAN

Dengan kos pembaikan dan senggaraan yang tetap, semua kerja servis dan pembaikan yang dilakukan di Pusat Servis Wilayah dan Pusat Servis Diiktiraf SPANCO tidak dikenakan sebarang bayaran.



■ PROGRAM PENGGANTIAN

Kesemua kereta konsesi diganti melalui program penggantian apabila tempoh pajakan 4-5 tahun yang ditetapkan berakhir.



■ PERKHIDMATAN BANTUAN SERVIS KEROSAKAN

Pelanggan yang mengalami kerosakan kenderaan boleh mendapatkan khidmat bantuan servis kerosakan, termasuk khidmat tunda yang disediakan oleh SPANCO melalui rangkaian pusat servis.



■ SERVIS BERGERAK

Pelanggan boleh mendapatkan servis penukaran minyak enjin dan servis lazim yang lain di premis mereka tanpa perlu pergi ke pusat servis.



■ KERETA IHSAN/GANTIAN

Khidmat kereta gantian dibekalkan kepada kereta-kereta rasmi bagi kerja servis atau pembaikan yang melebihi 24 jam bekerja.



■ FREE PHONE SPANCO 1-800-88-6999

Pelanggan boleh menghubungi Pusat Kawalan untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat pada bila-bila masa.



■ PERKHIDMATAN 24 JAM

Pusat Servis Wilayah – Batu Caves beroperasi 24 jam.



Pelanggan disarankan untuk memanfaatkan sepenuhnya segala kemudahan yang disediakan.

**SEBAGAI PENGGUNA JALAN RAYA DI MALAYSIA,
WAJARKAH KITA MEMPERLEKEHKAN
UNDANG-UNDANG PENGUATKUASAAN HAD LAJU DAN
PEMAKAIAN TALI PINGGANG KELEDAR?**



TEPUK DADA TANYA SELERA

Jadikan Keselamatan Amalan Hidup Kita

Ikhlas daripada  **SPANCO**